

# Pluralisme Agama daripada Pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady

## *Religious Pluralism from the Thought of Muhammad Uthman El-Muhammady*

Earnie Elmie Hilmi<sup>1</sup>, Kamarudin Salleh<sup>2</sup>, & Nur Farhana Ab Rahman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>3</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

Article progress

Received:

Accepted:

Published: 31 May 2025

\*Corresponding author:  
Author's name, Jabatan,  
Institusi, Negeri, Negara;  
Email: email@usim.edu.my

**Abstrak:** Pluralisme yang membawa maksud kepelbagaian agama diterima secara baik, namun apabila perkataan ini digabungkan dengan agama dan membawa maksud menyamaratakan semua agama atau membawa kepada kecenderungan untuk menyatukan kebenaran agama, perkara tersebut menjadi kontroversi. Terdapat dua masalah utama yang dilihat iaitu kekeliruan terhadap definisi pluralisme agama dan pelbagai pendekatan berbeza menghadapi pluralisme agama. Para sarjana berbeza pendapat mengenai konsep pluralisme agama dan pendekatannya termasuklah Muhammad Uthman El-Muhammady. Kajian ini mengkaji pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady tentang pluralisme agama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis sumber penulisan Muhammad Uthman El-Muhammady yang berkaitan dengan pluralisme agama, antaranya ialah risalah Pemikiran Mohammed Arkoun dalam konteks ahli sunnah wal jamaah: Satu pengamatan awal (2011), Falsafah agama John Hick: pengamatan dari perspektif ajaran ahli sunnah wal-Jamaah (2012) dan Al-Firqah al-Najiyah: Epistemologi aqidah golongan yang berjaya (2017). Hasil kajian menunjukkan Muhammad Uthman El-Muhammady mendefinisikan pluralisme dengan maksud ruang awam di mana para penganut agama bertemu dan berhubung serta mengadakan interaksi pelbagai untuk saling memahami antara satu sama lain, manakala pluralisme agama pula ialah fahaman yang menyatakan bahawa semua agama sama, sama-sama membawa kepada syurga.

**Kata kunci:** Pluralisme agama; kepelbagaian agama; kebenaran semua agama sama benar

**Abstract:** Pluralism in meaning of religious diversity well accepted, but it became controversial when this word combined with religion in meaning of generalizing all religions or leading to a tendency to unify the truth of religion. There are two main issues, confusion over the definition of religious pluralism and various approaches to religious pluralism. Scholars had different thought on the concept of religious pluralism and its approach, including Muhammad Uthman El-Muhammady. This study examines Muhammad Uthman El-Muhammady's thoughts on religious pluralism. This study used a qualitative approach by analyzing Muhammad Uthman el-Muhammady's writing sources related to religious pluralism such as Risalah Pemikiran Mohammed Arkoun dalam konteks ahli sunnah wal jamaah: Satu pengamatan awal (2011), Falsafah agama John Hick: pengamatan dari perspektif ajaran ahli sunnah wal-Jamaah (2012) and Al-Firqah al-Najiyah: Epistemologi aqidah golongan yang berjaya (2017). The results of the study

show that Muhammad Uthman El-Muhammady defines pluralism as a public space where religious believers meet and connect and have various interactions to understand each other, while religious pluralism is the understanding that all religions are the same, all lead to heaven.

**Keywords:** Religious pluralism; religious diversity; the truth of all religions are the same

## Pengenalan

Pluralisme merupakan istilah yang merujuk kepada kepelbagaian agama (Muhammad Uthman 2012; Mohd Asri 2012, Mujahid 2012, Siddiq 2016), toleransi antara agama, dialog antara agama Yeoh Seng Guan 2005, Osman 2009, Mohamed Fauzi 2011 dan Rahimin et al. 2011) dan seumpama dengannya yang diterima ramai. Namun, apabila istilah pluralisme digabungkan dengan agama (pluralisme agama) dan membawa maksud menerima kebenaran agama lain (Accepting other religions validity), perkara ini yang menjadi pertikaian semua pihak temasuk tokoh-tokoh pemikir di Malaysia. Tokoh tersebut antaranya ialah Muhammad Uthman el-Muhammady yang tidak terkecuali membahaskan permasalahan konsep pluralisme agama.

Muhammad Uthman el-Muhamamdy merupakan individu yang cepat memberikan respon dan lantang mempertahankan akidah ahli sunnah wal Jamaah apabila wujudnya aliran-aliran yang bertentangan dengannya termasuklah pluralisme agama. Muhammad Uthman el-Muhammady dalam bukunya Al-Firqah al-Najiyah: Epistemologi aqidah golongan yang berjaya (2017) menjelaskan golongan yang selamat ialah golongan yang mengikuti ajaran ahli Sunnah wal Jamaah. Golongan ahli Sunnah wal Jamaah ialah golongan yang mengikuti ajaran Al-Qur'an, Hadis, sunnah Nabi dan Ijmak.

Mengenai konsep pluralisme agama, terdapat pandangan dan pendekatan berbeza mengikut para sarjana. Hasil daripada perkara ini, terdapat golongan yang menerima konsep pluralisme agama, menolak dan golongan pertengahan (Earnie Elmie et al. 2022). Golongan yang menerima konsep pluralisme agama berdasarkan kepada maksud pluralisme yang merujuk kepada kepelbagaian agama. toleransi agama, dialog antara agama dan kebebasan beragama. Golongan yang menolak pluralisme agama kerana apabila digabungkan pluralisme dan agama (pluralisme agama) dan membawa maksud agama adalah sama dan menuju Tuhan yang sama perkara ini bertentangan dengan ajaran Islam. Manakala golongan pertengahan ialah golongan yang menerima maksud pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama tetapi menolak pluralisme agama yang membawa maksud agama adalah sama dan menuju Tuhan yang sama. Muhammad Uthman el-Muhammady merupakan salah seorang daripada individu yang berada dalam golongan pertengahan iaitu yang mana menerima pluralisme dalam makna kepelbagaian agama dan menolak pluralisme agama (apabila pluralisme digabungkan dengan agama) dalam maksud kebenaran semua agama sama dan menuju Tuhan yang sama. Kajian ini akan menjelaskan konsep pluralisme agama yang diterima dan ditolak oleh Muhammad Uthman el-Muhammady. Manuscript should be in Microsoft Word document using this specific template.

## Metodologi

Kajian ini merupakan kajian analisis kandungan yang mengkaji karya-karya Muhammad Uthman el-Muhammady berkaitan dengan pluralisme agama untuk mengeluarkan pemikiran Muhammad Uthman el-Muhammady terhadap pluralisme agama serta asas penerimaan pluralisme dan penolakan pluralisme agama. Bahan rujukan utama yang digunakan dalam analisis ini antaranya ialah beberapa penulisan bab Muhammad Uthman el-Muhammady dalam buku Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah (2012) iaitu ‘Beberapa isu dalam pluralisme agama-Satu pengamatan ringkas’, ‘Pluralisme agama: Beberapa persoalan dilihat dari pandangan arus perdana’, ‘Memeriksa semula pandangan Hashim Kamali tentang Pluralisme agama’ dan ‘Bahaya Pluralisme agama kepada umat Islam’. Buku seterusnya yang digunakan ialah risalah Pemikiran Mohammed Arkoun dalam konteks ahli sunnah wal jamaah: Satu pengamatan awal (2011), Falsafah agama John Hick: pengamatan dari perspektif ajaran ahli sunnah wal-Jamaah (2012) dan Al-Firqah al-Najiyah: Epistemologi aqidah golongan yang berjaya (2017). Buku-buku ini digunakan dalam analisis

kandungan kerana merupakan karya utama Muhammad Uthman el-Muhammady dalam menghuraikan pandangan beliau terhadap pluralisme agama dan asas penerimaan dan penolakannya. Analisis konseptual akan digunakan untuk mengkaji idea-idea yang terkandung dalam teks Muhammad Uthman el Muhammady tersebut mengenai konsep pluralisme agama, dan asas penerimaan dan penolakan pluralisme agama.

## Kajian lepas

Istilah pluralisme diterima dalam masyarakat Malaysia kerana difahami dalam maksud kepelbagaian agama (Muhammad Uthman 2012; Mohd Asri 2012, Mujahid 2012, Siddiq 2016). Konsep pluralisme dalam maksud sedemikian tidak bertentangan dengan nilai agama sebagaimana dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang menerangkan mengenai kepelbagaian ciptaan Allah atas dunia ini. Kekeliruan berlaku apabila pluralisme digabungkan dengan agama (pluralisme agama) dan para sarjana memahami pluralisme agama dengan maksud fahaman dalam erti kepelbagaian agama (Hussin 2007; Chandra 2014), toleransi agama, dialog antara agama (Yeoh Seng Guan 2005, Osman 2009, Mohamed Fauzi 2011 dan Rahimin et al. 2011) dan kebebasan beragama (Anwar 2010). Khalif Muammar (2015) dan Mohd Aizam (2015) tidak bersetuju istilah pluralisme agama difahami dalam maksud kepelbagaian agama atau toleransi agama (Anis Malik 2011). Perkara ini boleh menggelirukan masyarakat kerana terdapat juga sarjana yang memahami pluralisme agama sebagai penerimaan penyamarataan semua agama atau menerima keabsahan (kebenaran) agama lain (accepting other religions' validity) sebagaimana gagasan John Hick (Muhammad Uthman 2012).

Penerimaan dalam maksud menerima keabsahan (kebenaran) agama lain seperti gagasan yang dibawa oleh John Hick yang menjadikan istilah pluralisme agama ini menjadi kontroversi (Nur Farhana et al. (2019); Earnie Elmie et al. (2022); Fathiyyatunnur dan Mohammed Farid (2022). Maksud menerima keabsahan (kebenaran) agama lain ditolak oleh kebanyakan tokoh (Anis Malik (2005); Muhammad Uthman (2012); Khalif Muammar (2012), Mohd Aizam (2015), Nur Farhana et al. (2019), Marina Munira et al. (2019) dan Earnie Elmie et al. (2022) kerana bertentangan dengan agama Islam sebagaimana dalam Surah Al-Isra ayat 81, Surah Al-Ahzab ayat 40 dan Surah Al-Baqarah Ayat 143.

## Muhammad Uthman El-Muhammady Dan Pluralisme Agama

Muhammad Uthman el-Muhammady merupakan tokoh pemikir kelahiran negeri Kelantan yang dilahirkan pada Februari 1943. Muhammad Uthman el-Muhammady merupakan individu yang tegar memperjuangkan ahli Sunnah wal Jamaah. Lantang menyuarakan pendapatnya dalam setiap isu yang muncul dalam masyarakat Malaysia yang bertentangan dengan aliran ahli Sunnah wal Jamaah seperti isu syiah, liberalisme, pluralisme agama dan sebagainya sehingga digelar sebagai pejuang tegar ahli Sunnah wal Jamaah. Muhammad Uthman el-Muhammady juga digelar sebagai penulis prolifik kerana banyak menulis (Mohd. Nasir, 2006; Zaidi 2013). Muhammad Uthman el-Muhammady meninggal dunia pada tahun 2013 di kediamannya di Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Ketamadunan (ISTAC). Beliau telah disemadikan di tanah perkuburan Universiti Islam Antarabangsa (Zaidi 2013).

Muhammad Uthman el-Muhammady antara individu yang lantang memperjuangkan ajaran ahli sunnah wal Jamaah dan menolak segala aliran-aliran yang bertentangan dengannya termasuklah pluralisme agama. Muhammad Uthman el-Muhammady lantang menentang isu pluralisme agama melalui penulisan-penulisannya antaranya ialah buku Pemikiran Mohammed Arkoun dalam konteks ahli sunnah wal jamaah: Satu pengamatan awal (2011), beberapa bab dalam buku Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah (2012) iaitu ‘Beberapa isu dalam pluralisme agama, satu pengamatan ringkas’, ‘Pluralisme agama: Beberapa persoalan dilihat dari pandangan arus perdana Islam’ dan ‘Bahaya pluralisme agama kepada umat Islam’. Selain dari itu terdapat buku beliau tentang pluralisme agama John Hick iaitu Falsafah agama John Hick: pengamatan dari perspektif ajaran ahli sunnah wal Jamaah (2012). Artikel dalam majalah Dakwah (2013) iaitu ‘Mukmin berhak pertahan kalimah Allah’ adalah isu mengenai kalimah Allah. Manakala Al-Firqah al-Najiyah: Epistemologi aqidah golongan yang berjaya (2017) ialah karya mengenai golongan yang selamat iaitu ahli Sunnah wal Jamaah.

Muhammad Uthman el-Muhammady mendefinisikan pluralisme sebagai ruang awam di mana para pengaruh

agama bertemu dan berhubung serta mengadakan interaksi pelbagai untuk saling memahami antara satu sama lain, manakala pluralisme agama pula ialah fahaman yang menyatakan bahawa semua agama sama, sama-sama membawa kepada syurga (Earnie Elmie 2022). Melalui penulisan-penulisannya, didapati Muhammad Uthman el-Muhammady menerima pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama kerana tidak bertentangan dengan agama Islam dan menolak pluralisme agama dalam maksud menerima keabsahan (kebenaran) agama lain kerana bertentangan dengan ajaran Islam (Muhammad Uthman 2012). Muhammad Uthman el-Muhammady menyatakan bahawa maksud pluralisme agama yang ditolak kerana maksudnya iaitu kebenaran sama dan bersifat relatif.

### **Penerimaan Muhammad Uthman el-Muhammady terhadap konsep pluralisme**

Muhammad Uthman el-Muhammady menerima konsep pluralisme berdasarkan kepada syarat-syarat tersebut, iaitu:

1. Pluralisme dalam erti kepelbagaian agama.

Berdasarkan kepada penjelasan Muhammad Uthman el-Muhammady (2005), beliau menerima konsep masyarakat majmuk di Malaysia yang terdiri daripada kewujudan pelbagai bangsa, budaya dan agama. Masyarakat majmuk di Malaysia ini menerima dengan baik Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Islam sebagai agama persekutuan dan agama-agama lain bebas diamalkan dengan aman di mana-mana tempat dalam Persekutuan sebagaimana tertakluk di dalam perlembagaan iaitu di Artikel 11 (1). Artikel 11 (1) berkenaan dengan kebebasan beragama iaitu hak individu untuk menganuti dan mengamalkan agamanya tetapi masih tertakluk kepada Artikel 11 (4) iaitu mengenai kawalan dan sekatan pengembangan agama lain kepada masyarakat Islam.

Ustaz Uhman juga menerima konsep kenyataan pluralisme (sheer fact of pluralism) sebagaimana dalam laman sesawang projek pluralisme di Universiti Harvard yang mempromosikan kepelbagaian agama yang wujud dalam sesebuah negara iaitu di laman sesawang <https://pluralism.org>. Muhammad Uthman el-Muhammady (2012:171) menyatakan bahawa:

“Adapun pluralisme dalam erti adanya beberapa agama dalam sebuah negeri (sheer fact of pluralism) seperti yang diistilahkan dalam Universiti Harvard dan laman webnya, dan yang diisyaratkan dalam Perlembagaan Malaysia, yang itu tidak ada masalah pada pandangan kita”.

Muhammad Uthman el-Muhammady menerima konsep pluralisme dalam erti di atas kerana ianya berkaitan dengan kehidupan masyarakat majmuk dalam sesebuah negara. Konsep ini tidak berkaitan dengan penerimaan kebenaran agama lain.

2. Mengalakkan interaksi penganut-penganut agama.

Bagi Muhammad Uthman el-Muhammady (2012), agama Islam tidak menghalang wujudnya ruang awam yang mana wujudnya interaksi antara penganut-penganut agama untuk berhubung dan mengadakan interaksi untuk saling memahami antara satu sama lain. Interaksi ini diterima dalam agama Islam sejak dari zaman Nabi Muhammad s.a.w dan kini dan perkara ini tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam, malah dianjurkan dalam Islam seligamnya mereka (penganut bukan Islam) tidak menentang agama Islam. Ujar Muhammad Uthman el-Muhammady (2012:123):

“Pluralisme diamalkan dalam Islam walaupun di madinah di zaman Nabi s.a.w dan kemudiannya seperti di Andalusia dan kerajaan Othmanian Turki”.

3. Menghormati perbezaan.

Untuk konsep pluralisme dalam maksud menghormati perbezaan, Muhammad Uthman el-Muhammady (2012) menyatakan bahawa:

- i. "Kelainan manusia dalam kelompok-kelompok dan bangsa wujud untuk saling kenal mengenali sesama sendiri". Penerimaan konsep sebegini berdasarkan kepada surah al-Hujurat ayat 13 yang merujuk kepada wujudnya kepelbagaian bangsa untuk kita saling kenal mengenali dan beramah mesra selagi tidak bertentangan dengan ajaran agama.
- ii. "Di negara kita misalnya Islam adalah agama persekutuan) tetapi sistem-sistem kepercayaan lain dibenarkan diamal dalam keadaan aman dan sejahtera (in peace and security) (2012: 128). Kebebasan masyarakat bukan Islam untuk mengamalkan ajaran mereka tetapi masih tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dalam menyebarluaskan agama kepada masyarakat Islam.
- iii. "Kita boleh menghormati nilai-nilai yang baik yang ada pada sistem-sistem kepercayaan (belief systems) lain tetapi pada kita agama yang diterima di sisi Allah s.w.t adalah al-Islam dalam erti Islam yang dibawa oleh Nabi s.a.w" (2012: 130).

Muhammad Uthman el-Muhammady menyatakan penghormatan perbezaan agama dalam masyarakat majmuk di Malaysia dapat direalisasikan melalui kefahaman antara satu sama lain dan saling menghormati perbezaan kerana kebebasan mengamalkan ajaran agama selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Penghormatan kepada agama lain diamalkan tanpa menyamaratakan kebenaran agama Islam dengan agama lain.

Penerimaan Muhammad Uthman el-Muhammady terhadap konsep pluralisme ini berdasarkan kepada maksudnya yang selaras dengan pengertian dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang merujuk kepada penciptaan manusia dari jantina lelaki dan perempuan, kepelbagaian bangsa dan suku supaya berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu sama lain. Konsep pluralisme dalam maksud sedemikian tidak bertentangan dengan agama malah dianjurkan oleh agama. Pendapat Muhammad Uthman el-Muhammady turut disokong oleh Mohd Farid (2012), Mujahid (2014), Mohd. Asri (2014), Mohd Farid Mohd Sharif (2014) dan Siddiq (2016) yang menerima pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama. Contohnya Mujahid (2014) menyatakan bahawa:

"Pluralisme (kepelbagaian/kemajmukan) merupakan satu kejadian alam yang membuktikan tanda-tanda kebesaran Allah. Tiada sesuatu yang ada di muka bumi ini melainkan semuanya ditunjukkan dalam pelbagai bentuk, pelbagai rupa dan pelbagai pilihan. Kerencaman ini menandakan kejadian alam serta kejadian pada alam haiwan dan pada diri manusia sendiri".

Pluralisme dalam maksud kenyataan di atas merujuk kepada kepelbagaian bangsa, agama, adat dan kepercayaan yang wujud dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Pluralisme dalam maksud sedemikian diterima baik oleh para sarjana kerana tidak bertentangan dengan agama Islam.

#### **Penolakan konsep Pluralisme agama oleh Muhammad Uthman el-Muhammady**

Muhammad Uthman el-Muhammady menolak konsep pluralisme agama berdasarkan kepada:

1. Pluralisme agama yang membawa maksud kebenaran sama

Kebenaran sama membawa maksud fahaman yang menyatakan bahawa semua agama sama, sama-sama membawa kepada syurga. Muhammad Uthman (2012) menyatakan fahaman ini salah kerana bertentangan dengan agama. Kedatangan al-Qur'an menghapuskan kebenaran-kebenaran agama lain. Muhammad Uthman el-Muhammady (2011) menyatakan pluralisme agama dalam maksud kebenaran agama sama benar membawa cabaran kepada agama Islam, bukan sahaja dari sudut akidah, syariat dan akhlak tetapi juga dari sudut keselamatan negara. Dari sudut akidah, pluralisme agama bercanggah dengan al-Qur'an mengenai kedatangan Islam yang telah membatalkan hukum Islam yang lain dan menolak kemutlakan kebenaran Islam. Manakala dari sudut Syariat, kesetiaan kepada hukum Islam akan terjejas kerana penghayatan syariat Islam bukan lagi menjadi kewajipan utama kerana mempunyai kebenaran yang lain. Sudut akhlak pula, gabungan pluralis dan feminism yang mempunyai moral yang longgar akan menyebabkan akhlak Islam terpalit sama. Akhir sekali dari sudut keselamatan negara yang

mana keselamatan negara akan terjejas apabila masyarakat yang terpengaruh dengan aliran ini meringankan tanggungjawab dan kesetiaan terhadap agama Islam dan pemerintah.

## 2. Bersifat relatif

Konsep pluralisme agama dalam maksud bersifat relatif di tolak oleh Muhammad Uthman el-Muhammady berdasarkan kepada (2012: 142):

“Pluralisme dalam erti kenisbian dalam kebenaran hakiki dan mutlak, yang mengajarkan tidak ada kebenaran mutlak yang boleh dicapai, dan tidak ada ajaran asasi yang menjamin keselamatan dan kebahagiaan, itu tidak diterima, bahkan ditolak dalam agama Islam”.

Muhammad Uthman el-Muhammady menolak pluralisme agama dalam konsep ini kerana ianya bukan merupakan pendirian al-Qur'an dan perkara ini merupakan kenyataan yang bersifat pandangan peribadi. Berdasarkan ayat dalam Al-Isra ayat 81, Surah Al-Ahzab ayat 40 dan Surah Al-Baqarah Ayat 143 jelas menunjukkan bahawa agama Islam ialah agama yang benar dan kebenaran buat agama lain tertolak secara langsung. Muhammad Uthman el-Muhammady (2012) menegaskan:

“Akhirnya, prinsipnya kita mesti kembali kepada wacana arus perdana umat khaira ummatin ukhrijat linnas, yang hakikatnya tidak ada wacana yang mengatasi kebenarannya, apapun yang dikatakan oleh pihak postmodernist, Islam liberalis, pluralis agama, pihak perennalis, dan sesiapapun yang seperti mereka. Tetapi kita kena mengetahui perbezaan-perbezaan, persamaan-persamaan, dengan beradab, berdisiplin, menghormati orang lain, dalam batasan-batasan yang wajar.”

## 3. Bertentangan dengan akidah ahli Sunnah wal Jamaah

Pluralisme agama dalam maksud menyamaratakan semua kebenaran sama benar dan bersifat relatif bertentangan dengan akidah ahli Sunnah wal Jamaah. Ayat al-Qur'an dalam surah al-Isra' ayat 81 menunjukkan mengenai kedatangan Islam yang telah membantalkan hukum Islam yang lain dan menolak kemutlakan kebenaran Islam. Muhammad Uthman (2017) menegaskan ajaran akidah ahli Sunnah wal Jamaah merupakan aliran yang selamat diikuti kerana berlandaskan al-Qur'an dan Sunnah. Akidah ahli Sunnah wal Jamaah merupakan world-view masyarakat Islam dalam menghadapi cabaran-cabaran aliran-aliran yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti liberalisme, pluralisme agama, materialisme dan sebagainya.

Konsep pluralisme agama yang ditolak oleh Muhammad Uthman el-Muhammady di atas adalah berdasarkan kepada pluralisme agama yang telah dipromosikan oleh John Hick. Muhammad Uthman el-Muhammady telah menulis satu buku mengenai pluralisme agama John Hick ini iaitu *Falsafah agama John Hick: Pengamatan dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah* (2012). Muhammad Uthman el-Muhammady (2012) menyimpulkan bahawa falsafah agama John Hick tidak boleh diikuti oleh orang Islam kerana bertentangan dengan ajaran agama Islam dan boleh membawa kepada kemurtadan. Ulas Muhammad Uthman el-Muhammady (2012: 124):

“Pluralisme agama dalam erti yang dibentangkan dalam gagasan Prof Hick yang meninggalkan sikap ekslusif Katholik, dan yang sepertinya, menganggap semua agama-agama membawa kepada salvation, menunjukkan pemikirnya tidak ada keyakinan terhadap agamanya dalam erti yang sebenarnya”.

Muhammad Uthman el-Muhammady (2012) menolak gagasan pluralisme agama yang dibawa oleh John Hick dan individu-individu yang terpengaruh dengan John Hick yang menyamaratakan semua agama dan semuanya dapat memperolehi keselamatan atau syurga. Inisiatif Muhammad Uthman el-Muhammady untuk mengulas pluralisme agama John Hick kerana terdapat golongan yang menyanjungi John Hick sehingga mereka menggelarnya dengan ‘Nabi agama pluralisme global yang baru’ (*Prophet of the new global religion, pluralism*).

Untuk menangani pluralisme agama Muhammad Uthman el-Muhammady telah menggariskan beberapa panduan, antaranya ialah berpegang teguh kepada akidah ahli Sunnah wal Jamaah kerana aliran ini merupakan aliran yang selamat untuk diikuti kerana berlandaskan kepada al-Qur'an dan Sunnah serta ijma' ulama. Aliran-aliran yang bertentangan dengan ahli Sunnah wal Jamaah seperti liberalisme, pluralisme, materialisme dan seumpama dengannya merupakan aliran yang perlu dijauhi. Golongan selama, menyakini bahawa agama Islam ialah agama yang benar, pendedahan penyelewengan perlu diwar-warkan kepada masyarakat, berdakwah kepada masyarakat, ulama dan cendekiawan perlu bekerjasama dalam menangani isu-isu penyelewengan akidah Islam serta

memperkuatkan badan-badan agama, NGO dan sebagainya. Anis Malik (2011), Mohd. Farid Mohd. Shahran (2012), Yusri (2012), Mohd. Nakhaie (2012), Khalif Muammar (2015), Mohd. Aizam (2015) dan tokoh-tokoh lain juga menolak pluralisme agama dalam maksud menerima kebenaran agama lain sama benar.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, Muhammad Uthman el-Muhammady memahami pluralisme dengan maksud adanya ruang awam yang mana para pengikut agama bertemu dan berhubung serta mengadakan interaksi pelbagai untuk saling memahami antara satu sama lain, manakala pluralisme agama pula ialah fahaman yang menyatakan bahawa semua agama sama, sama-sama membawa kepada syurga. Asas penerimaan Muhammad Uthman el-Muhammady terhadap pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama berdasarkan kepada pengertian dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang menunjukkan bahawa ciptaan Allah datang dalam pelbagai bangsa, suku dan diwujudkan untuk beramah mesra dan berkenal-kenalan atas dasar kesefahaman dalam masyarakat majmuk. Konsep pluralisme sebegini diterima kerana kepelbagaian agama wujud dalam masyarakat majmuk di Malaysia, mengalakkan interaksi antara pengikut-pengikut agama dan menghormati perbezaan. Masyarakat bukan Islam diterima secara baik, selagi tidak menentang agama Islam.

Penolakan pluralisme agama Muhammad Uthman el-Muhammady dalam maksud kebenaran semua agama sama benar dan bersifat relatif berdasarkan kepada Surah Al-Isra ayat 81, Surah Al-Ahzab ayat 40 dan Surah Al-Baqarah Ayat 143. Surah-surah ini menerangkan tentang kedatangan agama Islam yang telah menghapuskan kebatilan sebelumnya. Muhammad Uthman el-Muhammady menolak fahaman pluralisme agama yang dipromosikan oleh John Hick yang menyamaratakan kebenaran semua agama.

Penolakan Muhammad Uthman el-Muhammady kerana pluralisme agama dalam maksud kebenaran agama sama benar memberikan cabaran-cabaran kepada akidah, syariat, akhlak dan keselamatan negara. Muhammad Uthman el-Muhammady menyatakan bahawa, untuk mengelakkan perkara-perkara yang menjatuhkan akidah seperti aliran pluralisme agama ini, masyarakat Islam seharusnya menjadikan akidah ahli Sunnah wal Jamaah sebagai panduan dalam hidup kerana akidah ini berlandaskan kepada ajaran al-Qur'an, hadis dan ijma' ulama.

## Rujukan

- Anis Malik Thoha. (2005). *Tren Pluralisme agama: satu tinjauan kritis*. Perspektif.
- Chandra Muzaffar. (2014). *Understanding liberalism and religious pluralism*. [Http://www.thestar.com.my/news/nation/2014/11/05/understanding-liberalism-and-religious-pluralism](http://www.thestar.com.my/news/nation/2014/11/05/understanding-liberalism-and-religious-pluralism).
- Earnie Elmie Hilmi. (2022). *Pluralisme agama dalam perspektif Muhammad Uthman el-Muhammady* (Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia). <https://ptsldigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/487595>
- Earnie Elmie Hilmi, Mohd Sohaimi Esa, Habibah Artini Ramlie, Syamsul Azizul Marinsah dan Saifulazry Mokhtar. (2022). Pemahaman Dan Penerimaan Golongan Sarjana Islam Mengenai Konsep Pluralisme Agama: Satu Sorotan Literatur. *Abqari Journal*, 27(1), 229–239. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol27no1.405>
- Fathiyyatunnur Idris dan Mohammed Farid Ali. (2022). The Misconceptions of Religious Pluralism and Religious Plurality Held by Muslims in Malaysia. *Tafhim: Ikim Journal of Islam and The Contemporary World*, 15(1). <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol15no1.2>.
- Hussin Mutalib. (2007). *Religious diversity and pluralism in Southeast Asian Islam: The experience of Malaysia and Singapore*. Dlm. K.S. Nathan (pnyt). Religious pluralism in democratic societies: Challenge and prospects for Southeast Asia, Europe and the United States in the New Millennium, hlm.35-60. Konrad-Adenauer-Stiftung dan Malaysian Association for America Studies.
- Kamus Dewan. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalif Muammar. (2013). *Islam dan Pluralisme agama: Memperkuat tawhid di zaman kekeliruan*. Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation, UTM dengan kerjasama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.

Little Oxford English Dictionary. (2002). Oxford: Oxford University Press.

Marina Munira Abdul Mutalib, Mashitah Sulaiman, Roslizawati Ramly, Khatijah Othman dan Yuseri Ahmad. (2019). Reconstruction of Religious Pluralism or Muhibah Value? A Comparative Study in Malaysia: Rekonstruksi Faham Pluralisme Agama atau Muhibah? Satu Kajian Perbandingan di Malaysia. *Sains Insani*, 4(2), 49-56. <https://doi.org/10.33102/jsi2019.4.2.06>

Merriam Webster. (2024). <https://www.merriam-webster.com/dictionary/pluralism>

Mohd Aizam Bin Mas'od. (2015). *Diskusi isu akidah dan pemikiran semasa di Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Mohd. Asri Zainul Abidin. (2014). *Pluralisme agama*. [Https://www.facebook.com/DrMAZA/posts/10152893486567990](https://www.facebook.com/DrMAZA/posts/10152893486567990).

Mohd Farid Mohd Shahran. (2014). *Islam dan Pluralisme Agama: Isu-isu akidah semasa*. Dlm Mohd Farid Mohd Shahran (pnyt). Pluralisme agama: Satu penelitian Islami. Hlm 43-73. Penerbit IKIM

Mohd Farid Mohd Sharif. (2012). *Maaf... Tuhan kita tidak sama: Mengulas isu interaksi agama di Malaysia*. Bitara Media.

Mohd Nakhaie Ahmad. (2012). *Pluralisme Agama di alam Melayu: Satu ancaman kepada kesejahteraan umat*. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Mohd. Nasir Omar. (2006). *Muhammad Uthman El-Muhammady*. Dlm. Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1408-1428H/11987-2005 (hlm. 27-59). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2005). *Ketua Negara Islam: Tugas-tugas dan peranan. Malaysia sebagai sebuah Negara Islam*, hlm.115-125. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2011). *Risalah Pemikiran Mohammed Arkoun dalam konteks ahli sunnah wal jamaah: Satu pengamatan awal*. Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). *Beberapa isu dalam pluralisme agama-Satu pengamatan ringkas*. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 119-138. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). *Memeriksa semula pandangan Hashim Kamali tentang Pluralisme agama*. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 158-168. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). *Bahaya Pluralisme agama kepada umat Islam*. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 168-185. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). *Falsafah agama John Hick: pengamatan dari perspektif ajaran ahli sunnah wal-Jamaah*. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). *Pluralisme agama: Beberapa persoalan dilihat dari pandangan arus perdana*. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 139-157. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2017). *Al-Firqah al-Najiyah: Epistemologi aqidah golongan yang berjaya*. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (Muafakat).

Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Nur Solehah Shapiee, Nur Ashilah Kahar. (2019). Pendefinisian Pluralisme Agama dalam Konteks Malaysia. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam* 41(2): 61 - 70 (<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2019-4001-07>).

Siddiq Fadzil. (2016). Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian dalam bingkai kesatuan. Institut Darul Ehsan

Yeoh Seng Guan. (2005). Managing Sensitivities: Religious pluralism, civil society and inter-faith relations in Malaysia. *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs*. 94 (382): 629-640 <http://dx.doi.org/10.1080/00358530500303700>.

Yusri Mohamad. (2012). *Ancaman pluralisme agama di Malaysia: Satu tinjauan awal. Dlm Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, p.187-200. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Zaidi Hassan. (2013). *Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady: Tokoh Dakwah Yang Ditemani Bahan Bacaan*. Pengasuh Mac-April: 2-11.